

SIARAN AKHBAR

HAMPIR 700,000 RAKYAT MALAYSIAN TOLAK GEG

KUALA LUMPUR, 29 September 2022 – Malaysian Vapers Alliance (MVA), kumpulan advokasi pengguna vape tempatan, menggesa Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kerajaan supaya mempertimbangkan pandangan hampir 700,000 rakyat Malaysia yang menentang cadangan dasar Generasi Akhir Permainan (GEG).

Jumlah ini adalah hasil daripada petisyen yang dijalankan [Malaysia Bersuara](#), yang dilancarkan pada bulan Julai 2022.

GEG, jika dilaksanakan, akan mengharamkan penggunaan dan penjualan produk rokok dan vape bagi mereka yang lahir selepas 2007, untuk seumur hidup. Ini akan mewujudkan masyarakat yang ditadbir melalui dua perundangan yang berbeza bagi dua kumpulan orang yang berlainan.

Khairil Azizi Khairuddin, Presiden Malaysian Vapers Alliance berkata "Setiap warganegara Malaysia mempunyai hak untuk dilayan sama rata, dan sebarang bentuk layanan yang berbeza adalah diskriminasi. Kami tidak boleh, dalam apa jua keadaan, membenarkan generasi akan datang dipinggirkan dan tertakluk kepada pendakwaan terpilih."

"Di negara di mana kita secara konsisten mencapai kemajuan, tindakan mewujudkan masyarakat yang didiskriminasi telah menepis usaha rakyat dalam mewujudkan masyarakat yang progresif dan saksama."

"Jelas sekali, dasar GEG yang keterlaluan telah menarik perhatian rakyat Malaysia. Petisyen Malaysia Bersuara, yang telah mendapat hampir 700,000 tandatangan menunjukkan bahawa terdapat kebimbangan yang sangat nyata di kalangan orang ramai terhadap implikasi dasar tersebut. KKM dan Kerajaan mesti mengambil masa untuk mempertimbangkan secara serius kebimbangan yang dibangkitkan, dan melepaskan dasar itu begitu sahaja."

MVA seterusnya menambah bahawa Menteri Kesihatan adalah salah untuk memasukkan vape sebagai sebahagian daripada dasar GEG selepas menolak idea pengurangan kemudaratan

Semalam, berita melaporkan bahawa Menteri Kesihatan menolak idea pengurangan kemudaratan tembakau dan mengulangi pendirian Kementerian bahawa GEG akan digunakan untuk kedua-dua produk rokok dan vape pada masa yang sama, yang akan mengharamkan produk itu pada masa hadapan.

"Jangan kita terlepas pandangan utama iaitu untuk mewujudkan Malaysia di mana rakyat tidak bergantung kepada rokok. MVA percaya dasar GEG sedia ada menghantar mesej yang salah kepada perokok."

"Pastinya kita tidak mahu perokok terus memilih untuk merokok. Walau bagaimanapun, daripada melaksanakan dasar larangan, kita harus menggalakkan mereka beralih kepada produk yang kurang mudarat yang merupakan nadi strategi pengurangan kemudaratan."

Negara seperti New Zealand telah berjaya mengurangkan kelaziman merokok mereka dengan menggunakan strategi pengurangan kemudarat, yang menggalakkan perokok tegar beralih kepada alternatif yang kurang memudaratkan seperti vape. Fakta dan sains yang disokong oleh institusi kesihatan awam antarabangsa telah mengakui tahap kemudarat produk vape jauh lebih rendah berbanding rokok. Oleh itu, Rang Undang-undang itu tidak sepatutnya menyamakan vape dengan rokok, seperti yang berlaku sekarang."

Tamat

Mengenai Malaysian Vapers Alliance

The Malaysian Vapers Alliance (MVA) adalah kumpulan advokasi tidak berkeuntungan yang memperjuangkan penggunaan produk vape untuk membantu perokok berhenti merokok. Usaha MVA didedikasikan untuk memperkasakan pengguna dan mewakili kepentingan mereka dalam pelbagai arena perundangan, penggubalan dasar dan penggubalan peraturan.